

10 JUL 2000

Mahathir-PAS

KERAJAAN HARAP PAS TAK HALALKAN KEGIATAN AL-MA'UNAH

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap PAS dan pihak lain tidak akan cuba menghalalkan perbuatan kejam dan penyelewangan yang dilakukan oleh kumpulan Al-Ma'unah "atas alasan apa sekalipun".

Perdana Menteri berkata bahawa seluruh rakyat mengecam perbuatan kumpulan itu yang telah menyeksa dan membunuh dengan kejam dua orang anggota pasukan keselamatan.

"Bagaimanapun kerajaan percaya akan terdapat usaha di kalangan pihak tertentu terutamanya PAS yang akan cuba menghalalkan perbuatan kejam kumpulan itu atas alasan mereka cuba menegakkan sebuah negara Islam," katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di kediamannya di sini.

Dr Mahathir berkata kerajaan menjangka PAS akan cuba menghalalkan kumpulan itu sepertimana ia menghalalkan pembunuhan empat orang polis dalam peristiwa Memali dahulu.

Katanya ada antara pemimpin kumpulan itu merupakan anggota badan amal PAS dan sebab itulah parti itu akan berusaha mempertahankan kumpulan Al-Ma'unah.

Dr Mahathir berkata akan ada pendapat untuk menghalalkan kegiatan Al-Ma'unah dengan alasan kumpulan itu kecewa kerana kerajaan tidak melaksanakan hukum Islam seperti hukum hudud dan kerajaan membenarkan arak dijual di Malaysia.

Perdana Menteri berkata itulah pendapat yang akan disuarakan oleh kumpulan yang bersimpati dengan kumpulan Al-Mu'unah kerana mereka mempunyai matlamat yang sama kononnya memperjuangkan sebuah negara Islam.

"Mereka mungkin tak setuju dengan cara kumpulan Al-Ma'unah bertindak tetapi mereka akan menyarankan rakyat supaya faham mengapa kumpulan Al-Ma'unah berbuat demikian," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan memberi penjelasan kepada rakyat mengenai kumpulan itu bagi menentukan tidak akan ada pula pihak yang akan bersimpati dengan kumpulan pengganas itu.

-- BERNAMA

AKT MAI